

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama
Sidang 1994/95

Oktober/November 1994

HSE 351 Sejarah Eropah Moden

Masa: [3 jam]

KERTAS PEPERIKSAAN INI MENGANDUNGI TUJUH [7] SOALAN DI DALAM DUA [2] HALAMAN.

Jawab EMPAT [4] soalan.

Semua soalan membawa nilai markah yang sama.

1. Bersabit pencetusan Revolusi Perancis, dapatkah persoalan sama ada pemikiran Kesedaran lebih penting berbanding isu sosio-ekonomi, atau sebaliknya, diputuskan secara muktamad? Jelaskan pendirian anda.
2. "... bukan hanya sebagai seorang jeneral sahaja saya memerintah Perancis, [tetapi juga] kerana negara ini percaya saya mempunyai kewibawaan awam seorang pemerintah" (Napoleon Bonaparte). Tepatkah penilaian diri Napoleon ini? Huraikan.
3. Tentang Revolusi-revolusi 1848 Bruun menulis, "Walaupun pada tahun 1848 jumlah para pekerja industri di Eropah jauh lebih kecil daripada bilangan pekerja pertanian, mereka sudah cukup kuat untuk memainkan peranan penting dalam kebangkitan-kebangkitan pada tahun itu". Bincangkan.
4. Menurut Palmer dan Colton, Kemaharajaan Jerman 1871 rata-rata didominasi secara meluas oleh "monarki Prusia, tentera Prusia dan golongan tuan tanah aristokrat Prusia...". Bincangkan.
5. Nilai sejauh mana Revolusi Rusia berjaya merealisasikan idealisme Marxis bagi membela golongan proletariat dan membentuk negara sosialis.

6. Pada pendapat anda, terdapatkah kesinambungan jelas daripada segi politik dan ekonomi di antara zaman Stalin dan era Lenin di Rusia? Beri ulasan lanjut.

7. Dapatkah kebangkitan Nazi di Jerman dijelaskan berasaskan faktor khusus yang terdapat di negara Jerman pada masa tersebut sahaja dan bukan berdasarkan elemen yang lebih umum seperti tamaddun perindustrian moden, sikap anti Yahudi dan sebagainya? Huraikan.

-ooooOoooo-